



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN MEDIA MENTERI KERJA RAYA

PEMBUKAAN SEMULA LALUAN FT185 (ARING-KENYIR), TERENGGANU

Laluan FT185 Aring-Kenyir telah ditutup sejak 24 Disember 2014 akibat daripada mendapan jalan yang serius di tujuh (7) lokasi di sepanjang laluan yang berlaku secara berturutan dan menyebabkan laluan tersebut terputus. Ia berlaku ekoran daripada taburan hujan luar biasa di kawasan tadahan pada bulan Disember Tahun 2014 yang menyebabkan kejadian banjir dan mendapan jalan yang luar biasa berlaku di Pantai Timur.

Lokasi-lokasi kejadian jalan runtuh adalah di Seksyen Seksyen 52.3, 52, 53.6, 56.9, 60.8, 65.7 dan Seksyen 66.5. Kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan oleh Jurutera Daerah Hulu Terengganu bersama syarikat konsesi Roadcare Sdn Bhd. Enam (6) daripada lokasi – lokasi tersebut telah siap dibaiki sepenuhnya dengan pelbagai kaedah termasuk penanaman cerucuk keping, pembinaan pemetung, jalan lencongan dan pembinaan semula kawasan runtuh. Lokasi terakhir adalah di Seksyen 52 melibatkan pembinaan lencongan kekal.

Kerja-kerja menghampar premix telah siap sepenuhnya pada 6 Februari 2015 dan kerja-kerja mengecat jalan pada 7hb. Semakan terakhir telah dilaksanakan pada 8hb dan JKR Terengganu berpuas hati bahawa segala peraturan telah dilaksanakan dan telah mencapai tahap keselamatan untuk membolehkan Laluan FT185 Aring – Kenyir ini dibuka untuk kegunaan awam.

Dengan ini saya mengisytiharkan Laluan FT185 Aring – Kenyir di buka semula kepada awam bermula pada 10 Februari 2015 jam 12 tengahari. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama untuk membolehkan satu dari laluan utama negara ini disediakan untuk kegunaan rakyat.

YB DATO' SRI FADILLAH YUSOF
MENTERI KERJA RAYA
10 FEBRUARI 2015
10.00 PAGI

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my